

UMS Pasarkan Pelajar Ke Luar Negara

Terakhir dikemaskini: Jumaat, 16 Jun 2017 15:50 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 2144

[Kongsi 0](#)
[Syorkan 0](#)
[Kongsi](#)
[Tweet](#)
[Share](#)


JUMAAT, 16 JUN
Universiti Malaysia Sabah (UMS) sentiasa berusaha meningkatkan

kebolehpasaran graduannya di peringkat antarabangsa melalui pelbagai kerjasama mobiliti dan latihan industri bersama beberapa syarikat dan agensi di luar negara.

Terbaru, seramai 25 pelajar Fakulti Kejuruteraan (FKJ) UMS terpilih untuk menjalani latihan industri selama 10 minggu di beberapa agensi kerajaan dan syarikat industri di Jepun dan Korea Selatan.

Menurut penyelaras latihan industri FKJ, Dr. Melvin Gan Jet Hong, kesemua pelajar tersebut termasuk 6 pelajar dari Sabah akan menjalani latihan industri ini bagi memenuhi 5 jam kredit subjek Latihan Industri yang diwajibkan kepada setiap pelajar selepas mereka menamatkan pengajian selama 6 semester.

"Program ini memberi peluang kepada pelajar untuk menimba pengalaman suasana pekerjaan sebenar dengan mengaplikasikan segala pengetahuan dan teori yang dipelajari dalam latihan industri mereka.

"Dengan ini para pelajar mampu mengembangkan kemahiran mereka dalam aspek etika kerja, komunikasi, pengurusan dan bekerja dalam satu kumpulan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan penerangan berkaitan latihan industri pada Majlis Persediaan Latihan Industri Pelajar FKJ Ke Luar Negara di Bilik Seminar FKJ, pagi tadi.

Menurutnya lagi, program tersebut telah dimulakan sejak tahun 2015 dengan empat pelajar Program Kejuruteraan Mekanikal terpilih untuk latihan industri di Korea Lab Co. Ltd, dan disusuli dengan 11 pelajar Program Kejuruteraan Mekanikal bagi latihan industri di beberapa syarikat industri di Korea Selatan.

"Selama 2 tahun program ini berlangsung, pelajar UMS sentiasa mendapat maklum balas positif daripada penyelia masing-masing, termasuk seorang pelajar dari Sabah yang mendapat tawaran bekerja di Korea Selatan sejurus menamatkan latihan industri," ujar beliau.

Terdahulu, Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa) FKJ, Prof. Madya Dr. Ismail Saad dalam ucapan aluan-aluan kepada 25 peserta latihan industri menasihatkan mereka agar menjaga tingkah laku dan tidak mencemarkan nama baik UMS sepanjang menjalani latihan industri.

“Para pelajar juga perlu memanfaatkan peluang yang tersedia untuk memperoleh segala ilmu pengetahuan dan menempatkan diri dalam industri, selain menimba pengalaman hidup di luar negara dengan mempelajari aspek budaya hidup masyarakat di Korea Selatan dan Jepun,” ujar beliau.

Pada majlis tersebut, Dr. Ismail kemudiannya menyerahkan bendera Jalur Gemilang kepada wakil 25 pelajar yang terpilih sebagai simbolik persediaan latihan pelajar FKJ ke luar negara.

Hadir sama pada majlis Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) FKJ, Dr. Mohd Kamel Wan Ibrahim, Timbalan Pendaftar FKJ, Azmi Jumat dan Pengarah Pusat Hal Ehwal Antarabangsa, Molly Donna Awang Sham.